

Headline	Esok penentu juara hoki		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	18 Feb 2017	Readership	537,693
Circulation	179,231	Page No	67
Section	Arena	Journalist	N/A
ArticleSize	60 cm ²		
PR Value	RM 4,137		



Esok penentu juara hoki

Kuala Lumpur: Takhta kejuaraan Liga Perdana, TNB Liga Hoki Malaysia membabitkan Terengganu Hockey Team (THT) serta Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) hanya akan diketahui pada perlawanan terakhir esok.

Ini kerana, kedua-dua pasukan masih kekal terikat 33 mata selepas 13 perlawanan tetapi THT selaku juara bertahan masih menduduki tangga teratas liga dengan berkelebihan jaringan gol.

Pada aksi semalam, THT menewaskan Maybank 5-2 di Stadium Hoki Batu Buruk sementara KLHC terus memberi tekanan kepada seterusnya utama mereka itu apabila turut mencatatkan kemenangan 3-1 ke atas Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di Stadium Hoki Pantai.

Ketua jurulatih KLHC, Muhammad Harun Al Rashid Samri berkata, pujian wajar diberikan kepada barisan pemainnya kerana kembali bersemangat untuk mencipta kemenangan selepas kecewa dengan keputusan seri 3-3 ketika bertemu TNB pada perlawanan terakhir.